

Kayu Cetus Gaya Resort

DUA TAHUN MERANCANG AKHIRNYA
TAMAN IMPIAN TAMPIL SEMPURNA

Penulis : CHE ASMAR ZAKRI
Fotografi : MOHD JAZLAN NANGAR

Penghargaan: SUPERCool CREATIVE CULTURE, 12
JALAN PERMAI 4, TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG
PERMAI, 47100 PUCHONG SELANGOR. *Branch*: 90
JALAN BERTAM 5, TAMAN DAYA, 81100 JOHOR
BAHRU. *Tel*: 03-58851180/07-3531180 *FAX*: 03-58851198
website: WWW.SUPERCool.COM.MY

PROFIL TAMAN

LOKASI : Nusajaya, Johor
NAMA PEMILIK : Chin Chun Ngok
Jenis kediaman : Semi-D
KELUASAN TAMAN : 3000 kaki persegi
KONSEP TAMAN : Resort Tropika
TEMPOH TAMAN : 1 tahun



Malaysia sememangnya bumi bertuah kerana selain aman damai, bentuk muka buminya yang terlindung dari segala bencana alam, ia juga dianugerahkan dengan kekayaan sumber hutan yang tidak terbilang kepelbagaian spesies flora dan faunanya. Hasil hutan ini pula terkandung segala jenis kayu teras berkualiti yang ada di antaranya tidak terdapat di negara lain yang mana menjadi sumber penghasilan pelbagai struktur kekal di kediaman. Elemen kayu ini yang digunakan di kediaman bukan sahaja tahan lasak tetapi juga menampilkan permukaan menarik iaitu kayu yang menyerlahkan lagi nilai estetika sesuatu kediaman.

Kunjungan team LAMAN ke Johor Bahru baru-baru ini, telah diperkenalkan oleh Supercool iaitu kontraktor landskap yang memfokuskan pembinaan struktur kayu untuk kediaman, ke kediaman Chin Chun Ngok. Kediaman yang baru diduduki selama satu tahun ini walaupun masih baru dari segi



penampilan taman, tetapi binaan struktur kayu yang menghiasi lamannya antara elemen yang berjaya mencantikkan lagi penampilan taman tersebut.

Menyambut ketibaan kami, pemilik begitu ramah dan mesra melayan pertanyaan penulis tentang taman yang menjadi lokasi paling digemari olehnya setelah penat seharian di tempat kerja. Memulakan bicara pada pagi itu Chin menjelaskan “Jika sebelum ini saya tinggal di rumah yang memang tidak mempunyai tanah bagi membina taman, maka saya berazam untuk mencari sebuah kediaman dengan *extra land* untuk merealisasikan impian saya itu, akhirnya inilah kediaman yang memenuhi ciri yang saya mahukan”, jelas pemilik bercerita memulakan bicara.

Pemilik juga menambah dorongan kuat untuknya mempunyai taman sendiri kerana ingin dikelilingi suasana hijau dan indah. Bermula detik itu, impian disemat di dada ingin membina sebuah kediaman dihiasi taman berinspirasi kan reka bentuk resort dengan menerapkan elemen kayu di kediaman.



Roofing menggunakan kayu balau yang dibina sepenuhnya oleh Supercool Creative Culture kelihatan begitu kemas dan menarik hasil kerja syarikat ini.



Perkenalan pemilik dengan syarikat Supercool bagaikan pucuk dicita ulam mendatang apabila segala yang tergambar di minda pemilik mampu direalisasikan oleh kontraktor landskap ini.

Menurut pemilik “Saya dahulunya adalah seorang *Feng Shui master* dan kediaman ini benar-benar mengikut unsur *Feng Shui*. Elemen air, orientasi bangunan, arah bukit, dan lain-lain lagi adalah simbolik kepada unsur *Feng Shui* yang menjadikan kediaman ini baik untuk kami sekeluarga. Bagi saya ia penting untuk keharmonian, kesihatan, kekayaan dan ketenangan penghuni rumah ini”, terang pemilik membuka bicara pada pertemuan kami pagi itu.

Jika di kediaman lama dahulu aktiviti keluarga hanya terhad di dalam rumah tetapi kini segala-galanya berubah sepenuhnya. Apabila pulang dari pejabat pemilik menghabiskan masa menikmati suasana hijau taman dan bunyi air yang




Tumbuh-tumbuhan ditanam di sudut taman berfungsi sebagai pelengkap suasana.

SESUATU YANG ISTIMEWA
TENTANG KEDIAMAN INI
IALAH IA MEMPUYAI *OPEN
CONCEPT* YANG MEMBUATKAN
SUASANA KEDIAMAN TAMPIL
LAPANG, SEJUK DAN SELESA.



Bahagian sisi taman yang diberi sentuhan ringkas kerana pemilik tidak mahu taman terlalu padat



“SAYA DAHULUNYA ADALAH SEORANG FENG SHUI MASTER DAN KEDIAMAN INI BENAR-BENAR MENGIKUT UNSUR FENG SHUI. ELEMEN AIR, ORIENTASI BANGUNAN, ARAH BUKIT, DAN LAIN-LAIN LAGI ADALAH SIMBOLIK KEPADA UNSUR FENG SHUI YANG MENJADIKAN KEDIAMAN INI BAIK UNTUK KAMI SEKELUARGA. BAGI SAYA IA PENTING UNTUK KEHARMONIAN, KESIHATAN, KEKAYAAN DAN KETENANGAN PENGHUNI RUMAH INI”







terhasil daripada aliran air kolam. Minda dan fizikal pemilik benar-benar terasa begitu merehatkan dan mendamaikan. Malah pemilik menyatakan inilah suasana laman yang diimpikannya dan akhirnya berjaya direalisasikan. Begitu banyak bezanya kediaman yang mempunyai taman kerana ia begitu mempengaruhi emosi dalaman penghuni kediaman.

Melihat kepada koordinasi ruang taman

kediaman ini, terdapat tiga bahagian utama yang setiap satunya mempunyai fungsi tersendiri. Ruang hadapan kediaman yang direka bentuk sebagai ruang menjemput dihiasi dengan tumbuhan renek di bahagian tepi sudut kediaman. Kehadiran tumbuhan renek dan pokok teduhan *Plumeria spp.* ini bagi mengimbangi landskap kejur di taman ini. Dalam masa yang sama pemilik mahukan ruang parkir berturap turut

diwujudkan bagi membolehkan anak-anaknya bermain, melakukan sebarang aktiviti dan dalam masa yang sama sebagai kawasan meletak kenderaan. Penataan ringkas menjadi keutamaan kerana pemilik lebih menggemari taman yang kurang penyelenggaraan.

Beralih kepada ruang kedua iaitu ruang tengah, terdapat sebuah kolam, dek kayu dan binaan *water curtain* menghiasinya. Ia menjadi lokasi pemilik duduk santai dan juga sebagai lokasi menerima tetamu yang datang bertandang di kediamannya. Suasana *windy* di kejiranan ini menambahkan lagi rasa nyaman tatkala pemilik menghabiskan masa di sini. Dek kayu berukuran 10' x 10' dibina bersambung dengan living room bagi membolehkan mereka sekeluarga dapat menikmati suasana damai pancuran air semasa duduk bersantai.

“Jika dilihat pada reka bentuk taman ini, saya tidak mahu ia kelihatan terpisah daripada ruang *interior*. Bagi saya ruang dalam dan luar seharusnya berinteraksi di antara satu sama lain serta mempunyai kesinambungan reka bentuk dan bersatu menjadi satu konsep. Barulah sesuatu kediaman itu berfungsi secara optimum untuk dinikmati oleh penghuninya. Adalah sesuatu yang merugikan andai penghuni hanya dapat menikmati keindahan taman terhad hanya di luar rumah sahaja,” tambah pemilik lagi.

Sesuatu yang istimewa tentang kediaman ini ialah ia mempunyai *open concept* yang membuatkan suasana kediaman tampil lapang, sejuk dan selesa. Ruang dalam dan luar direka bentuk sebaik mungkin agar sirkulasi laluan angin tidak terhalang oleh *solid wall*. Situasi ini penting kerana andai laluan angin tersekat maka berlakulah masalah bau kediaman kurang enak dan sebagainya.

Berkongsi rasa dan pendapat bersama penulis, pemilik menyatakan kehadiran taman ini secara tidak langsung membuatkan hidupnya terasa lebih sihat, berkualiti dan gembira. Baginya pengalaman tidak memiliki taman di kediaman lama berbanding kediaman sekarang begitu banyak bezanya. Ia adalah satu pelaburan yang sangat berbaloi kerana kualiti hidup banyak dipengaruhi oleh suasana persekitaran.

TIP PENATAAN KEDIAMAN BERINSPIRASIKAN GAYA RESORT TROPIKA

- 1** Memasukkan unsur-unsur binaan kayu sebagai landskap kejur di kediaman seperti pergola, gazebo, dek kayu, struktur kediaman dan sebagainya.
- 2** Pemilihan *soft landscape* juga penting sebagai pelengkap konsep resort dengan pemilihan pokok-pokok palma, renek berdaun, kawasan berumput dan banyak menonjolkan elemen hijau.
- 3** Kombinasi material di antara kayu, *natural stones* dan cermin dapat menonjolkan lagi gaya resort dengan sentuhan moden.
- 4** Walaupun pelaburan untuk mendapatkan material kayu begitu mahal berbanding material lain seperti konkrit, ia adalah satu pelaburan jangka masa panjang yang begitu berbaloi. Selain tidak lapuk ditelan zaman, elemen kayu juga mempunyai nilai tinggi di pasaran. Contohnya jika anda menggunakan kayu cengal, ia turut menambah nilai hartanah anda.